

PM kecewa penafian

UM 29 MAR 2001

KUALA LUMPUR 28 Mac Perdana Menteri kecewa dengan sikap tidak berterima kasih isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang mendakwa suaminya tidak mendapat rawanan istimewa sebagai banduan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesakan, dalam sejarah Malaysia, belum ada banduan yang mendapat layanan istimewa Datuk Seri Anwar

Ibrahim yang diberi pelbagai kelonggaran dan kemudahan.

"Sebenarnya tidak ada banduan lain yang mendapat layanan seperti banduan ini yang dibenarkan tinggal di hospital lebih daripada empat bulan dan mendapat khidmat doktor dari luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika bercap pada pelancaran majlis Pemimpin Bersama Rakyat peringkat kebangsaan 2001 di bawah

program Kumpulan Penderengar, Penonton dan Pembaca (K3P), Kampung Sungai Mulia, Gombak dekat sini hari ini.

Perdana Menteri menggunakan penafian Dr. Wan Azizah yang mendakwa suaminya menerima layanan istimewa sebagai banduan.

Kelmarin, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, banyak layanan istimewa diberikan kepada Anwar dengan mendapat kelonggaran

yang tidak dinikmati oleh banduan lain.

Kerajaan telah membenarkan pakar bedah tulang belakang dari Jerman, Dr. Thomas Hoogland merawat serta membedah Anwar di sini dan perkara sedemikian tidak berlaku kepada banduan lain.

Malah, kerajaan juga membenarkan pakar bedah itu membawa segala peralatan yang perlu untuk tujuan pembedahan dengan perbelanjaan Anwar sendiri.

Pakar-pakar tempatan juga bersedia membantu melaksanakan pembedahan tulang belakang Anwar jika ia dilakukan di hospital kerajaan seperti Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Perdana Menteri seterusnya menegaskan, adalah tidak adil sama sekali apabila Dr. Wan Azizah membuat tuduhan melulu dengan mengangap kerajaan tidak bertimbang rasa terhadap suaminya.

"Tidak adil dia buat tuduhan yang pelik-pelik ke-

Wan Azizah

pada kerajaan konornya kerajaan tidak bertimbang rasa kepada seorang banduan," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, hanya orang yang tidak bersyukur yang sering menidakkan apa yang diperolehi walaupun memperolehi pelbagai nikmat.

"Orang yang tidak bersyukur menafikan kita memberi layanan istimewa dengan membenarkan doktor mereka datang dari luar negara memeriksa," jelasnya.

Kerajaan, kata beliau, memahami bahawa Dr. Wan Azizah mahukan suaminya dihantar ke luar negara untuk mendapat rawatan.

"Mereka hendak supaya dibenarkan pergi ke luar negara. Kalau pergi tak balik la. Kita tahu la pasal apa mahu pergi luar negara," jelasnya.

Sementara itu, Perdana Menteri meminta Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak menjadikan gambar mata lebam Anwar sebagai

modal kempen politik untuk memburuk-burukkannya.

"Ini akan dibawa sepanjang masa. Saya tidak tahulah jika gambar ini akan digunakan empat tahun lagi," tegasnya.

Gambar itu, katanya, tidak lain hanya mahu meraih simpati dan memancing undi orang Melayu.

Dr. Mahathir menambah, sentimen sedemikian perlu dihentikan kerana ia mengandungi fitnah terhadap dirinya.